

THE

TITAN

richworks.com/the-titan

Industry View

BELAJAR JADI
PEMIMPIN DULU
SEBELUM MEMIMPIN!

RICHWORKS®

Di Sini Lahirnya
Usahawan Jutawan

25 OGOS 2023 | BIL: 54
www.richworks.com

INAI REPUBLIC

INOVASI INAI KE TAHAP ANTARABANGSA





THE BRANDLAUREATE
THE WORLD'S FIRST
e-BRANDING
AWARDS 2021



THE WORLD
BRANDSFONDACTION
(The World's Only Brands & Branding Foundation)

PRESENTS
THE BRANDLAUREATE
THE WORLD'S FIRST
SMEs BESTBRANDS e-BRANDING AWARD
2021
TO

INAJ
REPUBLIC



e-Commerce
Nail Henna

"thebrandlaureate"
THE ANNUAL BRAND & BRANDING



TO BE SEEN, TO BE HEARD, TO BE KNOWN
TO BE REMEMBERED



CETUS FENOMENA INAI DI MALAYSIA

Inai dengan masyarakat di Malaysia terutamanya kaum Melayu dan India bukanlah sesuatu yang asing lagi. Jika anda merupakan salah seorang penggemarnya, anda pastinya kenal dengan jenama Inai Republic, perintis inai kuku tersohor di Malaysia.

Diusahakan oleh pasangan suami isteri iaitu Syarifah Furaiha (Fara) selaku pengasas dan Ustaz Azam Azhary (Ustaz Azam) sebagai pengasas bersama, ia bermula selepas mereka ingin menyediakan alternatif yang lebih mudah buat kaum wanita untuk memakai inai kuku tanpa perlu membancuh lagi seperti dahulu.

“Saya sebenarnya gemar memakai pewarna kuku tapi ia tidak begitu praktikal kerana perlu menanggalkannya apabila menunaikan ibadah. Jadi, alternatif lain adalah inai.

“Namun begitu, inai yang ada di pasaran sekitar dua dan tiga tahun lepas kebanyakannya berwarna jingga dan tidak mempunyai pilihan warna. Semuanya jenis yang susah hendak dipakai kerana perlu ditumbuk, campur air, dibancuh dan sebagainya. Caranya begitu renyah dan sukar buat si pemakainya.

“Jadi, kita pun nak hasilkan satu produk yang mana mudah untuk semua orang amalkan sunnah, mudah semua orang nak cantik-cantik ala-ala pewarna kuku. Inai Republic adalah inai moden ala-ala pewarna kuku, dengan lima pilihan warna tetapi boleh dibawa solat.

“Kini bukan sahaja orang berusia, malah semua peringkat usia pun sudah boleh gunakannya

sekarang tidak kira masa dan bukan hanya waktu kahwin semata-mata. Inai kini menjadi lebih *modern and trendy*. Begitulah kisah terciptanya Inai Republic ini,” kongsi Fara.

1 JUTA DI USIA 21 TAHUN

Menurut Ustaz Azam, pada waktu itu trend berinai belum popular seperti sekarang. Oleh itu, mereka menjadi peneraju dengan memperkenalkan inovasi warna inai yang pelbagai serta mudah dipakai kerana disertakan sekali bersama berus.

Namun begitu, kejayaan hebat yang diraih pada hari ini semestinya tidaklah berlaku sekelip mata malah ia menuntut pengorbanan besar yang hanya mereka dan Tuhan saja yang tahu.

Merupakan bekas pelajar perubatan di Moscow, Russia, Fara mengambil keputusan untuk berhenti belajar di sana biarpun menerima biasiswa di atas kecemerlangan yang diraih sewaktu Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

“Memandangkan saya sudah berhijrah, jadi saya sudah tidak berminat untuk belajar di sana disebabkan suasana persekitarannya. Jadi, saya mengambil keputusan untuk berhenti dan hal itu membuatkan saya mempunyai hutang biasiswa sebanyak RM70,000.

“Disebabkan itu, saya menyambung kembali pelajaran di Universiti Al-Azhar, Mesir atas pembiayaan sendiri tanpa biasiswa.

“Kebetulan masa itu ada program Datuk Wira Dr.

Azizan Osman ketika saya pulang ke Malaysia waktu cuti semester. Saya pun pergi ke program Intensif Magnet Kekayaan & Kejayaan (IMKK) dengan tiket percuma atas pemberian rakan.

"Selepas tamat program itu, saya dapat rasa diri saya berubah menjadi versi yang berbeza lalu saya pun ambil keputusan untuk mendaftar ke program Millionaire Marketing Mastery (MMM)," cerita Fara.

TAWAN HATI DENGAN PENULISAN

Jika peserta MMM lain sudah mempunyai produk untuk dipasarkan, namun situasinya berbeza pula dengan Fara apabila beliau mengeluarkan produk pertamanya selepas tamat program tersebut.

"Sebenarnya, waktu itu saya ke kelas MMM tanpa produk. Ketika itu, Dr. Azizan ajar bagaimana nak hasilkan jualan sejuta ringgit pertama. Tamat saja MMM, terus saya hasilkan produk pertama iaitu Furaiha Skincare.

"Alhamdulillah, dengan ilmu yang diperoleh sepanjang tiga hari kelas berlangsung, saya berjaya mencapai satu juta pertama dalam masa enam bulan sahaja di saat usia saya baru mencecah 21 tahun. Ini semua hanya sebab MMM sahaja.

"Menariknya, waktu itu saya mengendalikan bisnes beribu batu jauhnya dari Cairo, Mesir. Satu perkara yang saya aplikasikan 'gila-gila' daripada MMM adalah formula 'My Story' (*storytelling*). Saya fokus kepada personal branding," jelasnya lagi.

Strategi yang dijalankan nampaknya membawa hasil apabila nama beliau terus naik dan dikenali ramai. Beliau juga berjaya mewujudkan kesedaran masyarakat tentang produknya dan mengumpul ramai stokis dan

ejen di bawahnya.

"Dari situ pengikut di Facebook meningkat naik mencecah 100 ribu. Penulisan saya selalu tular hingga media menyiarkannya dan saya dapat muncul di dada akhbar secara percuma.

"Saya hanya buat zero cost marketing sahaja waktu itu. Hanyalah dengan bercerita sahaja dan zaman itu belum ada TikTok lagi. Kalau tidak, mungkin lebih dahsyat penangannya. Jadi, itulah permulaan kisah saya.

"Namun, malangnya selepas tamat MMM saya tidak menyambung lagi belajar bisnes kerana fikir sudah cukup dengan ilmu yang diterima dalam program tersebut. Bisnes diteruskan, terus dan terus hingga jatuh lingkup pada tahun 2018," tambah wanita yang berasal dari Terengganu ini.

Sedar perniagaan yang dijalankan perlukan mentor untuk terus maju ke hadapan, Fara mengambil keputusan untuk kembali ke RichWorks bersama Ustaz Azam selepas beberapa tahun dengan menyertai program pementoran SPIRE.

"Jika dikenangkan kembali perjalanan kami bersama SPIRE, waktu itu sebenarnya kami memang sudah tiada duit hingga terpaksa masuk pajak gadai. Kami gadaikan emas pada waktu itu semata-mata nak bayar yuran SPIRE.

"Memang habis kita gadaikan semuanya tapi inilah perkara yang tidak pernah kami sesali dalam hidup sebab kami rasa inilah benda paling betul yang dibuat demi menuntut ilmu walaupun terpaksa ikat perut pada waktu itu.

"Kita tak mampu pun sebenarnya nak isi minyak kereta untuk ke program RichWorks. Lima ringgit pun tiada tapi kita memang betul-betul berniat nak belajar pada waktu itu," jelas Ustaz Azam.

BERMULA DENGAN MODAL RM50 DARI RUMAH

Mungkin ramai tak tahu bahawa Fara menjalankan bisnes inai ini di saat perniagaannya sudah jatuh. Daripada juta-juta, ia merudum dengan teruk hingga tiada sesen pun yang tinggal. Semua wang simpanannya habis digunakan dan beliau terpaksa bergantung hidup kepada kad kredit sahaja.

“Bank akan hubungi saya hari-hari sebab dah *late payment*. Tekanan pada waktu itu memang tidak dapat dibayangkan.

“Macam mana nak bayar sebab kita pun pakai kredit kad untuk teruskan hidup. Wang tunai pun keluarkan daripada kad kredit sahaja. Komitmen besar. Kereta kena tarik, yang tinggal hanya sebuah kereta sahaja yang dibeli secara tunai dahulu iaitu Perodua Viva.

“Itupun berebut satu keluarga nak pakai. Beli ayam seekor pun kena catu tau untuk makan beberapa hari. Kalau ada yang makan dua ketul, terus tak cukup lauk. Dek kerana itulah saya bertekad untuk bangkit kembali mengubah nasib hidup yang dialami,” ujar Fara.

KEMBALI MAJU SELEPAS FOKUS

Setelah menyertai program pementoran SPIRE, barulah mereka sedar kesilapan demi kesilapan yang telah dilakukan dan belajar untuk memberi fokus terhadap sesuatu perkara yang diusahakan.

“Bila sudah berada dalam SPIRE, barulah kita tahu kenapa perniagaan sebelumnya jatuh. Sebab apa yang kita belajar lima tahun lalu mungkin sudah tidak relevan sekarang dan kadang-kadang perkara itu juga berubah setiap minggu.

“Masa saya sertai SPIRE, saya buat bisnes sebab tak tahu nak fokus yang mana. Saya rasa macam

cuba jelah semua benda asalkan dapat duit. Tapi waktu itu saya belajar dan tengok orang lain untuk mula fokus.

“Dr. Azizan suruh kami fokus pada inai sebab pelbagai produk kami jual pada masa itu. Beliau sendiri cakap untuk *focus on this and that*. Alhamdulillah, kami dapat naik semula selepas belajar untuk fokus.

“Bila kita ikut saja yang yang disuruh, kita akan dapat hasilnya biarpun kita rasa perkara ini macam tak logik tiga tahun yang lepas. Tapi, hari ini kita akan nampak buktinya,” kata ibu kepada seorang cahaya mata ini.

Di saat rata-rata perniagaan syarikat lain mulai jatuh merudum gara-gara Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), namun berlainan pula situasinya buat Inai Republic apabila produk itu mendapat permintaan ramai ketika pandemik.

“Nama Inai Republic melonjak naik ketika PKP sebab kita mulakan bisnes inai ini betul-betul sebelum pandemik terjadi. Syukur, kita dapat survive dengan berkat ilmu yang diterima dalam RichWorks malah jualannya meningkat lebih tinggi daripada sebelumnya.

“Jika difikirkan, siapa je yang kahwin di waktu pandemik dan boleh buat majlis? Tapi, semua itu tidak menjadi halangan jika kita ada ilmu perniagaan. Alhamdulillah, tahun pertama yang mana merupakan tahun bermulanya pandemik itu kita berjaya mencatat jualan RM1.2 juta,” kongsi Ustaz Azam.

UTAMAKAN KEJAYAAN PASUKAN

Selain meraikan kejayaan syarikat, mereka juga turut gembira apabila melihat pencapaian pasukan sendiri yang berjaya mengubah nasib hidup ke tahap yang lebih baik.

“Kita memang berniat hendak membantu seramai yang mungkin suri rumah, mereka

yang berhutang dan *struggle* di luar sana untuk menjana pendapatan.

"Ada yang suaminya dibuang kerja. Tapi, alhamdulillah selepas bertemu Inai Republic dia sudah mula ada wang simpanan sendiri walaupun pada awalnya *totally zero*.

"Kita juga ada ahli pasukan yang merupakan Orang Kelainan Upaya (OKU) kerana dia pekak dan bisu. Dia memang susah tapi syukur kita berjaya membantunya hingga boleh capai jualan dalam empat ribu ringgit sebulan," kongsi Fara.

Terus mendaki puncak kegemilangan, pasangan ini juga berkongsi khabar gembira apabila jenama Inai Republic telah menembusi beberapa belas negara termasuklah Singapura, Brunei, Australia dan Dubai.

Bukan itu sahaja, produk mereka juga telah berdaftar di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia, Singapura dan Brunei. Satu pencapaian yang sangat membanggakan buat Inai Republic selain dianugerahkan Malaysia Best Business Award pada tahun 2021 dan Nona Best Halal Henna Award 2022.

Memperjuangkan sebuah misi yang besar, pasangan ini kentalkan hati dan bulatkan tekad untuk membantu seramai orang yang mungkin menerusi perniagaan yang diusahakan.

"Tidak kiralah apa jua perubahan yang berlaku di dunia, kita akan teruskan dan beradaptasi dengannya sehingga berjaya.

"Nak dapatkan sesuatu yang besar, kita kena bagi manfaat yang besar. Bantu seramai yang mungkin, Insya-Allah, *road to RM100 million*.

Kita *fight sampai jadi. Once I'm done, then you can come and ask how I do it,*" tuturnya lagi.

Untuk maklumat lebih lanjut mengenai Inai Republic, layari laman Instagram @inairepublichq dan @syarifahfuraiha agar anda tidak ketinggalan mendapatkan sebarang informasi terkini tentangnya.





HARIAN METRO
EDITION 27 JULY 2023

IMPIAN BESAR FARA KEMBANGKAN JENAMA

INSPIRASI HATI

FARA MELAKA

“Saya berasal dari sebuah keluarga yang berbangga diri dengan seorang ibu yang selalu memberikan pengaruh yang besar pada saya. Ibu selalu mengajarkan saya tentang pentingnya kerja keras dan bertemu dengan orang-orang yang baik. Saya juga mendapat pengaruh positif dari saudara-saudara saya yang selalu mendukung dan memberi saran. Selain itu, pengaruh dari lingkungan sekitar juga sangat besar. Saya selalu mencari inspirasi di dalam diri sendiri dan mencoba untuk terus belajar dan berkembang.

Rasa ingin tahu dan ketertarikan terhadap dunia bisnes muncul sejak saya masih kecil. Saya selalu mencari informasi tentang peluang usaha dan bagaimana cara memulainya. Saya juga mencari inspirasi di media sosial dan buku-buku bisnes. Saya selalu berusaha untuk tetap optimis dan tidak mudah menyerah.

Saya berharap dengan adanya platform ini, saya dapat membantu orang lain yang memiliki mimpi dan ambisi yang sama. Saya ingin memberikan inspirasi dan dukungan bagi mereka agar mereka dapat mencapai tujuan mereka. Saya juga ingin memberikan contoh bagi generasi muda bahwa dengan kerja keras dan dedikasi, mereka dapat mencapai kesuksesan.

JENAMA FARA MELAKA

“Walaupun saya masih pemula, saya percaya bahwa dengan kerja keras dan dedikasi, saya akan berhasil. Saya berharap dengan adanya platform ini, saya dapat membantu orang lain yang memiliki mimpi dan ambisi yang sama. Saya juga ingin memberikan inspirasi dan dukungan bagi mereka agar mereka dapat mencapai tujuan mereka. Saya juga ingin memberikan contoh bagi generasi muda bahwa dengan kerja keras dan dedikasi, mereka dapat mencapai kesuksesan.

Harian Metro



3

NASIHAT



BE A GOOD LEADER

"Pelajarilah ilmu kepimpinan, di RichWorks yang kami rasa tiada di tempat lain adalah ilmu kepimpinan. Sebagai *driver business*, pemandu itulah yang paling utama yang perlu diperbetulkan dulu.

"Tak guna kereta mahal jika pemandunya tidak betul. Bila kita jadi pemimpin yang bagus barulah perkara lain akan jadi makin baik," kata Ustaz Azam.

FOKUS PADA BENDA YANG BOLEH DIKAWAL

"Memang kita tak boleh kawal krisis ekonomi memang berlaku tapi kita boleh fokus dengan apa yang boleh dikawal.

"Kita boleh kawal cara fikir dan tindakan kita. Harapan tetap ada di waktu krisis tetapi ia perlulah datang dengan ilmu," ujar Fara.

PENTINGNYA BERGURU

"Penting adanya mentor sebab bila terjadinya sesuatu itu kita akan tahu bagaimana hendak selesaikannya. Ia menjadi pengajaran terbesar buat saya ketika bisnes terdahulu jatuh sebab tak tahu nak uruskan bagaimana.

Saya tak tahu cara nak handle the pressure sebab waktu itu saya diviralkan hingga reputasi jatuh. Tapi, saya tahu jika saya ada guru pasti situasi pada waktu itu masih dapat diselamatkan," luah Fara menutup bicara.

BELAJAR JADI PEMIMPIN DULU SEBELUM MEMIMPIN! INI 6 CARANYA

Ramai orang yang idamkan jawatan sebagai pemimpin tapi tak tahu bagaimana nak laksanakannya.

Ada yang menjadi terlalu tegas sehingga orang malarikan diri manakala ada pula yang penuh dengan sifat empati hingga orang lain mengambil kesempatan ke atas dirinya pula.

Hmm, macam mana nak buat ni?

1 Belajar memimpin diri sendiri dahulu

Sebenarnya, pemimpin terbaik memimpin diri sendiri sebelum memimpin orang lain. Apa maknanya? Pastikan anda benar-benar memahami kekuatan dan peluang anda dan tahu bagaimana orang lain melihat.

Ambil langkah untuk mempertimbangkan perkara yang mendorong anda dan jenis nilai yang anda ingin berikan kepada orang lain.

Meningkatkan kesedaran diri dengan cara ini boleh menjadikan perjalanan sepanjang hayat yang membantu anda memimpin orang lain dengan kaedah paling berkesan.

2 DAPATKAN MAKLUM BALAS

Dapatkan maklum balas daripada pelbagai sumber termasuklah daripada ‘atas, bawah dan seberang’. Pemimpin pasukan yang hebat bukan sahaja berkongsi maklum balas dengan pasukan mereka

malah meminta dan menerima maklum balas daripada banyak sumber.

Mereka berusaha untuk memahami bagaimana mereka mampu memberi kesan kepada orang lain. Untuk memaksimumkan maklum balas, pemimpin harus menjemput orang lain untuk memberitahu mereka apabila perkara betul dan silap yang boleh diperbaiki.

3 BERSIKAP TERBUKA KEPADA IDEA BAHARU

Pemimpin memainkan peranan penting dalam menggalakkan pasukan mereka untuk berkongsi fikiran dan pendapat yang dimiliki. Kekal terbuka kepada idea baharu bagi menggalakkan inovasi dan bukannya membiarkan pasukan kekal terperangkap dalam corak kerja lama.

4 TOLAK DIRI ANDA KELUAR DARI ZON SELESA

Apabila kita terlalu selesa, kita tidak akan belajar. Apabila pemimpin mendorong diri mereka untuk mengambil risiko, mereka menunjukkan contoh positif buat pasukan dan memberi mereka keberanian untuk melakukan perkara yang sama.

Jika anda gagal, jangan takut untuk mengakuinya. Kongsi apa yang telah dipelajari daripada kegagalan tersebut kepada pasukan dan nyatakan bahawa ia langsung tidak menghalang anda daripada mencuba perkara baru di masa hadapan.

5 BERI PERHATIAN KEPADA DINAMIK PASUKAN

Kita akan mudah larut dalam tugas harian, namun sebagai ketua kumpulan anda perlulah masa untuk memeriksa dinamik pasukan. Tanya diri anda, "bagaimana pasukan beroperasi? Apakah perkara berfungsi dengan baik dan bagaimanakah penerimaan pasukan bila dicabar?"

Luangkan masa dengan mereka untuk membina hubungan yang lebih kukuh dan uruskan konflik yang timbul sebelum ia berkembang menjadi isu yang lebih besar.

6 UKUR PRESTASI PASUKAN ANDA DARI PELBAGAI ASPEK

Pasukan berprestasi tinggi mendapat keputusan yang lebih baik dan mereka

melakukannya dengan menyesuaikan proses dan hubungan sesama mereka.

Itu tidak mencukupi untuk mengukur apa yang dicapai oleh pasukan. Pemimpin pasukan juga perlu mempertimbangkan bagaimana kerja itu dilaksanakan dan bagaimana perhubungan dalam pasukan itu.

Pemimpin pasukan yang mengharapkan hasil yang hebat tapi mengabaikan aspek-aspek ini menyukarkan pasukan mereka untuk terus berjaya bersama dari semasa ke semasa.

Mereka perlulah beri perhatian kepada hasil, proses dan perhubungan secara holistik bagi membantu memastikan kejayaan jangka panjang pasukan.



Anjuran Bersama

RICHWORKS®
ACCELERATING YOUR BUSINESS SUCCESS

media prima

10X BINA BISNES BERJAYA 2023

2-3 SEPTEMBER 2023
IDCC, SHAH ALAM

KUASAI PEMASARAN DAN STRATEGI MENARIK PELANGGAN

DATUK WIRAJA
DR. AZIZAN OSMAN

SEAT TERHAD

DAFTAR SEKARANG

binabisnesberjaya.com



EKSKLUSIF!

GERAN BIMBINGAN PERNIAGAAN BERNILAI RM3 JUTA

DALAM

Klinik Usahawan SIRI **BINA BISNES** **BERJAYA**

Sesi Transformasi Perniagaan
untuk Usahawan SME



DATUK WIRA
DR AZIZAN OSMAN
MenThor Usahawan Jutawan



**Buku Untuk Usahawan
Bakal Jutawan!**
+
**Sesi Penilaian Perniagaan
Anda berharga RM497**

100% PERCUMA
DITAJA OLEH RICHWORKS

Mohon di: richworks.com/satujutapertama

E-MAGAZINE UNTUK BANGSA USAHAWAN

richworks.com/thetitan

RICHWORKS®
ACCELERATING YOUR BUSINESS SUCCESS

THE **TITAN**

PENAFIAN : NASIHAT YANG DIBERIKAN DALAM MAJALAH INI MERUPAKAN NASIHAT SECARA AM. IA DISEDIAKAN TANPA MENGAMBIL KIRA OBJKTIF, SITUASI KEWANGAN ATAU KEPERLUAN ANDA. SEBELUM MELAKUKAN TINDAKAN, ANDA PERLU MENILAI KESESUAIAN NASIHAT DIBERIKAN MENGIKUT SITUASI & KEPERLUAN MASING-MASING.